

# Seni silat Melayu kini berkembang subur di luar negeri

Rencana  
**ROHAYA HAJI ISHAK**  
Gambar  
**DAVID KHOO**

PADA masa dahulu, pencak silat yang dianggap sebagai satu cabang seni mempertahankan diri yang indah dan halus serta mantap itu hanya dikuasai oleh masyarakat rumpun Melayu di Nusantara.

**B. Minggu (M)**

Bagaimanapun, berikutan adanya perkembangan ilmu silat ke seluruh dunia, kini seni itu berjaya menarik perhatian masyarakat asing, termasuklah orang kulit putih.

Malah, seni silat sudah dapat bersaing dengan lain-lain bentuk seni mempertahankan diri yang sudah lama terkenal di dunia serta mempunyai ramai pengamal seperti tae-kwondo, judo dan karate.

**20 DEC 1987**

## Ketahanan

Ini kerana seni silat adalah unik dan tidak hanya untuk ketahanan fizikal tetapi juga bagi membentuk kesucian hati nurani. Ia tidak ada dalam seni mempertahankan diri yang lain.

Salah seorang pengamal seni silat bangsa asing, Puan Maria Ertl, 43, mengakui hakikat ini dan menganggap silat adalah sesuatu yang istimewa serta mengkagumkannya.

Malah, beliau yang 'terpikat' dengan pencak silat sejak dua tahun lalu itu, kini bercadang untuk membuka kelas latihan silat kepada wanita dan golongan remaja di negaranya, Austria.

Wanita yang kelihatan lebih muda daripada usianya itu menjelaskan galakan daripada jurulatih silat, Arif Abdullah dan suaminya, Gunther Ertl, 46 adalah pendorong kepada kejayaannya di bidang berkenaan.

"Saya belajar silat sejak dua tahun lalu kerana tertarik dengan cara pergerakannya yang lembut tetapi tegas dan tangkas," katanya yang sebelum

ini pernah mengamalkan jiu-jitsu iaitu gerakan seperti judo selama 14 tahun.

## Penggalak

Ibu kepada sepasang anak berusia 24 dan 23 tahun ini menambah, beliau memutuskan untuk membabitkan diri di bidang silat apabila mengetahui seni berkenaan mempunyai lebih banyak keindahan berbanding seni yang lain.

Malah, seni silat kini banyak memberi pengertian kepadanya yang pernah menjadi juara silat peringkat negeri di Austria dua tahun lalu dan kini menjadi pengurus pasukan negaranya dalam Pertandingan Silat Antarabangsa ke-4 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Suaminya yang menjadi Presiden Silat Persekutuan Austria dan anak perempuannya yang juga kini begitu aktif dalam latihan silat adalah penggalak utama kejayaannya itu.

"Di Austria, ada 15 ahli silat wanita yang cekap dan mahir. Kami menjalani latihan sekali seminggu di pusat latihan di Vienna. Kini, sebahagian besar daripada kaum wanita, khususnya golongan remaja sudah mulai meminati bidang pencak silat," katanya.

**20 DEC 1987**

Sambil menceritakan perkembangan seni silat di negaranya, Puan Ertl memberitahu, dalam setahun, sekurang-kurangnya 50 rakyat negaranya membabitkan diri dalam latihan silat dan jumlah itu sentiasa bertambah dari masa ke semasa.

**B. Minggu (M)**

"Tambah pula, seni silat kini sudah dijadikan satu acara pertandingan di peringkat antarabangsa. Ini semakin mendorong lebih ramai penduduk di dunia ini tertarik dengan silat kerana adanya pengetahuan luas mengenainya," ujarnya dengan bangga.

Walaupun begitu, Puan Ertl

la begitu unik dan tidak hanya untuk ketahanan diri tapi juga untuk membentuk kesucian hati

suaminya itu masih terus mengamalkan jiu-jitsu dan kini sedang mengendalikan kelas latihan untuk kanak-kanak berumur antara 6 dan 14 tahun.

"Sebaik sahaja mereka selesai mengikuti kelas itu dan sesuai dengan umurnya, saya akan memberikan kelas latihan silat pula. Ini kerana kedua-dua bidang itu mesti dipisahkan dan tidak boleh dicampur aduk. Kedua-duanya mempunyai cara tersendiri," jelasnya.

Kanak-kanak di bawah umur 14 tahun katanya, tidak boleh diajar bersilat kerana ia boleh membahayakan diri. Ini kerana kanak-kanak di peringkat itu masih belum matang dan tidak tahu untuk membezakan antara silat sebenar dan 'olok-olok'.

Wanita yang gemarkan kepada kerja-kerja rumah ini menjelaskan, silat sangat sesuai dengan kaum wanita.

"Di samping berguna sebagai alat mempertahankan diri, ia penting untuk kesihatan diri dan kebersihan jiwa. Malah, wanita yang mengamalkan silat, tidak akan hilang sifat serta nilai-nilai kewanitaannya," tegasnya.

Atas faktor inilah katanya, kaum wanita di Austria semakin bersemangat untuk membabitkan diri di bidang pencak silat.